

Keluarga berilmu

» Rashidi, Vanidah mahu sambung pengajian hingga peringkat doktor falsafah, jadi contoh kepada anak

Oleh Hanisah Selamat,
nisa@bharian.com.my

PASANGAN pelakon, Vanidah Imran, 39, dan suami, Rashidi Ishak, 39, tidak berkompromi dalam hal kepentingan keluarga atau kerjaya seni. Pasangan secocok ini berazam menyambung pengajian ke luar negara dalam tempoh setahun dari sekarang sebagai pelengkap kehidupan, selain mengejar impian.

Tuntut ilmu tak kira umur

Hasrat itu bukan didorong keinginan diri, sebaliknya ingin menjadi contoh kepada anak, Mikail Aimran, 11, dan Maryam Rashika, 8, bahawa ilmu harus dikehjera tanpa batasan usia atau waktu.

Biar sebelum ini dapat menggenggam Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dari Universiti Putra Malaysia (UPM) selepas 'bertarung' 13 semester, Rashidi atau panggilannya Shidi puas mampu menyahut cabaran sekalipun terpaksa berkorban waktu.

"Perasaan ketika menerima ijazah tahun lalu sukar diluahkan, begitu juga senyuman pada wajah isteri, anak dan keluarga yang masih terbayang. Malah ucapan tahniah juga tidak putus-putus dilayangkan menerusi khidmat pesanan ringaks (SMS) dan laman sosial, Facebook."

"Jika ikut perancangan, saya ambil dulu sarjana program berkelmar dengan universiti luar negara dalam tempoh terdekat. Sementara Vee pula menyelesaikan ijazah sarjananya yang berbaki beberapa semester lagi.

"Selepas itu, kami merancang melanjutkan pengajian peringkat sarjana dan Ijazah Kedoktoran (Phd) sama ada di Amerika Syarikat (AS) atau United Kingdom (UK). Tengok dulu kesesuaian bidang diambil selain soal pembentangan dan kos hidup di sana," katanya yang mahu melanjutkan pengajian di peringkat sarjana pengurusan perniagaan.

Kesungguhan terserlah

Seperti suaminya, Vanidah atau mesra disapa Vee turut optimis dengan perancangan jangka panjang mereka. Malah, walau



“Perasaan ketika menerima ijazah tahun lalu sukar diluahkan, begitu juga senyuman pada wajah isteri, anak-anak dan keluarga yang masih terbayang”

Rashidi Ishak,
Pelakon

pengajian ijazah sarjananya masih berbaki, tunjang utama filem Untuk Tiga Hari itu sudah mencari topik kajian ilmiah untuk program sarjana.

Secara tidak langsung, kesungguhan Pelakon Wanita Terbaik pada Festival Filem Malaysia (FFM) ke-20 itu terserlah kerana baginya lebih mudah jika sudah ada tajuk ilmiah yang sesuai untuk dikembangkan dari sekarang.

"Memang cabaran bagi wanita berstatus isteri, ibu dan berkerjaya membahagikan masa dengan pengajian. Saya hanya berpeluang mengulang kaji dan menyudahkan kertas kerja selepas anak tidur atau sekembali dari penggambaran."

"Cuma saya sentiasa berdoa semoga nawaitu untuk menimba ilmu setinggi mungkin dipermudahkan-Nya. Tentu saja suami banyak membantu sama ada di rumah atau dalam soal kerja," katanya yang sudah 12 tahun mendirikan mahligai bahagia bersama Shidi.

Makin hari makin sayang

Kali pertama bertemu di lokasi drama Athirah pada 1999, Vanidah Imran sekadar tahu Rashidi adalah anggota kumpulan rock, Dead Mushroom. Namun, jodoh mereka kuat apabila disatukan sebagai suami isteri setahun berikutnya.

Kini ikatan suci mereka sudah memasuki tahun ke-12 dengan dilengkapi dua cahaya mata comel. Sepanjang tempoh itu, segala pahit manis mampu diharungi bersama-sama.

Hanya dua bulan tempoh diambil Shidi untuk mengetahui wanita idaman sebelum melamar.

"Saya terpana kali pertama bertentang mata dengan Vee.

Dia punya kecantikan asli dan saya nampak dirinya sentiasa cantik. Sesiaapa pun yang berada di sisinya akan berasa aura positif itu."

"Ya, dia sangat menyenangkan untuk didekati. Malah, perasaan saya terhadapnya makin menebal," ucapnya tulus sambil melirik kepada Vee di sisi.

Tidak hairan, apabila keserasian pasangan ini memancing perhatian sutradara Untuk Tiga Hari, Afidlin Shauki menggandangkan mereka sebagai pasangan kekasih di layar perak.

Mengakui terkejut diajukan tawaran berikutnya banyak produksi lain lebih senang 'menjual' pelakon muda popular, peluang keemasan itu cukup dinantikan Shidi dan Vee.

"Walau tidak pernah menyuarakan hasrat ini kepada Vee, saya sentiasa nantikan skrip yang menggabungkan kami. Apabila mendapat peluang, sudah pasti saya tidak mahu mengecewakan semua pihak terutama penerbit, pengarah dan isteri," katanya yang membawakan watak Zafrin.


Kejutan watak daripada Afidlin Vee pula hanya mengetahui suaminya dipilih sebagai tunjang utama hanya selepas mendapat skrip. Namun, ketika bekerja, mereka meletakkan rasa selesa ke tepi supaya adegan kekasih tidak tampak berlebihan.

"Projek ini sudah dimaklumkan setahun sebelumnya tetapi saya tidak tahu watak saya atau barisan lain. Terkejut juga apabila Shidi antara watak utama."

"Tetapi saya yakin Afidlin punya alasan kukuh mempertaruhkan suami isteri dalam filem arahannya," katanya.



Keluarga bahagia Rashidi dan Vanidah.



Vanidah membetulkan jubah suaminya pada konvokeyen tahun lalu.



Babak dalam filem Untuk Tiga Hari.